

SMK Labuan dan LIS anjur Perkongsian Amalan Pembelajaran Abad Ke-21..



14 Januari : SMK Labuan dengan kerjasama Labuan International School (LIS) dan PIBG SMK Labuan telah menganjurkan Perkongsian Amalan Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PDPC) Abad Ke- 21 yang berlangsung di Auditorium Labuan International School (LIS), pada Sabtu.

Seramai 500 orang yang terdiri daripada semua guru SMK Labuan dan LIS, Ketua-Ketua Sektor dan Ketua Penolong Pengarah BTPN Jabatan Pendidikan WP Labuan serta Pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan WP Labuan menghadiri program tersebut.

Perkongsian tersebut telah disampaikan oleh Guru Cemerlang Sains SMK Jerlun Kedah, Norhailmi Abdul Mutalib.

Pengetua SMK Labuan, Ismail Abdullah berkata selain daripada menjadi sebahagian hasrat dalam PPPM 2013-2025 untuk mencapai pendidikan berkualiti, dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) juga jelas menyatakan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) merupakan perkara yang sangat penting yang menentukan standard kualiti pengurusan kurikulum sesebuah sekolah.

Katanya, Standard 4 SKPMg2 meletakkan standard 'Guru berperanan sebagai pemudah cara dalam pembelajaran dan pengajaran yang berkesan untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan pencapaian murid pada tahap optimum yang berterusan'.

Ismail berkata terdapat enam aspek dalam Standard 4 ialah guru sebagai perancang, guru sebagai pengawal, guru sebagai pembimbing, guru sebagai pendorong, guru sebagai penilai dan murid sebagai pembelajar aktif.

"Program hari ini merupakan satu tindakan awal ke arah memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang amalan PdPc Abad Ke 21. Saya yakin kita semua teruja dengan hal ini. Program ini yang pada asalnya hanyalah satu program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) antara SMK Labuan dan LIS, telah mendapat sambutan di luar dugaan dalam kalangan guru-guru sekolah di WP Labuan," katanya.

Menurut Ismail, penyertaan melebihi 500 orang hari ini sudah mencapai satu pertiga daripada jumlah guru di Wilayah Persekutuan Labuan.

Tambahnya, namun ini bukanlah satu program lengkap yang dapat merangkumi semua keperluan pelaksanaan PdPc Abad Ke 21.

Tentunya memerlukan tindakan susulan di peringkat sekolah terutama peringkat panitia mata pelajaran untuk membincangkan lebih teliti dan berfokus strategi PdPc mata pelajaran masing-masing melalui pelbagai medium

termasuklah Professional Learning Community (PLC).



Cikgu Hailmi menerima cenderahati
dari Pengetua LIS

“Program ini hanya satu sumbangan kecil SMK Labuan dan LIS, tapi kami yakin tindakan susulan yang berterusanlah yang akan menentukan impak sebenar kepada prestasi sekolah dan WP Labuan secara keseluruhannya,” katanya.

Antara kejayaan /anugerah yang pernah dicapai oleh Norhailmi Abdul Mutalib ialah Blog Pendidikan Terbaik (Malaysia Social Media Awards 2014), Agent For National Transformation 2014 (MCMC), Blog Pendidikan Terbaik (UPSI), Peserta Program Pertukaran Guru Malaysia – Korea (KOMTEP) 2015 dan Blog Kandungan Pendidikan Terbaik (Malaysia Social Media Awards 2016).

Menurut Ismail, perkongsian tersebut antaranya tentang bagaimana guru-guru boleh melaksanakan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Abad Ke 21 dalam mata pelajaran masing-masing berpandukan contoh-contoh yang pernah dilaksanakan oleh Norhailmi di sekolahnya.

Banyak perkongsian tentang PdPc Abad Ke 21 boleh dirujuk dalam laman web www.cikguhailmi.com Turut hadir Ketua Sektor Pengurusan Sekolah, Maimoon Matnoh, Ketua Sektor

Pengurusan Akademik, Norismah Abd Moin, Ketua Sektor Jaminan Kualiti, Khaziyati Osman, Ketua Penolong Pengarah BTPN Labuan, Ag Marten Abd Rahman, Ketua Sektor Pengurusan Maklumat, Samsudin Yala dan Yang Dipertua Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Cawangan Labuan, Omar Baki Matusin.

Dipetik dari laman New Sabah Times

Gambar dari Blog CikguHailmi.com